

06 FEB 2003

MAHATHIR-PAKEJ

MASIH TERLALU AWAL UNTUK MENGUMUMKAN PAKEJ RANSANGAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sekarang masih terlalu awal bagi kerajaan untuk mengumumkan langkah-langkah ransangan yang telah diumumkan awal bulan lepas.

"Sekarang masih terlalu awal. Masih ada masa," katanya ketika ditanya bilakah kerajaan dijangka mengumumkan pakej ransangan itu.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan serentak duit syiling peringatan dengan setem kenangan dan sampul surat hari pertama serta Buku Kerjasama Teknikal Malaysia sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Ke-13, yang dijadualkan berlangsung dari 20 hingga 25 Feb ini.

Awal bulan lepas, Dr Mahathir telah menyatakan bahawa kerajaan kemungkinan mengambil satu lagi langkah ransangan pada tahun ini untuk merencanakan ekonomi negara.

Katanya, langkah-langkah seperti menyuntik lebih dana ke dalam ekonomi dan membelanjakan wang ke atas projek-projek jangka pendek akan diambil untuk meningkatkan kitaran matawang.

Pakar-pakar ekonomi berpandangan langkah-langkah ransangan itu sebagai pilihan terbaik berbanding penurunan kadar faedah untuk merencanakan lagi ekonomi negara.

Mereka berkata, oleh kerana kadar faedah kini berada pada paras rendah, penurunannya kemungkinan menyebabkan ekonomi terjebak ke perangkap kecairan.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menurunkan kadar faedah untuk meransang ekonomi, Perdana Menteri menjawab: "Saya akan memberitahu anda selepas kami membuat keputusan."

-- BERNAMA

TNS/LES FR AHM